



TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
PENGERUSI BARISAN NASIONAL

SEMPENA:

PELANCARAN JENTERA BARISAN NASIONAL
PILIHAN RAYA NEGERI SEMBILAN 2026

TARIKH & MASA:

15 JULAI 2026 (RABU)
9.00 MALAM

LOKASI:

TEMPAT LETAK KERETA STADIUM TUANKU ABDUL
RAHMAN, PAROI, SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam
Malaysia Madani dan Salam Maju
Johor

**MUKADIMAH : MANDAT JELAS.
NEGERI MAKMUR. MASA DEPAN
NEGERI SEMBILAN.**

1. Alhamdulillah, marilah kita
memanjatkan setinggi-tinggi
kesyukuran ke hadrat Allah SWT
kerana dengan izin-Nya, pada
hari ini kita dapat berhimpun

sebagai **satu keluarga besar Barisan Nasional.**

2. Hari ini, dari Seremban ke Port Dickson, dari Nilai ke Rembau, dari Kuala Pilah ke Tampin, dari Jempol ke Jelevu kita hadir dengan matlamat yang sama.. kita hadir bagi memastikan Negeri Sembilan kembali dipimpin oleh Barisan Nasional. Kita mesti pastikan Negeri Sembilan **kembali dipimpin oleh sebuah Kerajaan yang lebih berwibawa, berpengalaman, lebih diyakini**

rakyat dan mampu membawa negeri ini melangkah lebih jauh!

3. Inilah amanah yang sedang menanti kita dan inilah perjuangan yang mesti kita pikul bersama.

(Tone Semangat)

Ini bukan masanya untuk bersenang-senang...

Ini bukan masanya untuk kita berpecah-belah...

Hari ini, maruah kita menjadi taruhan,

Hari ini, masa depan BN sedang dipertaruhkan.

Kemenangan tidak datang bergolek...

Kemenangan hanya akan menjadi milik mereka yang berani berjuang.. dan bertahan hingga ke garisan yang terakhir!

Saudara dan saudari sekalian,

4. Hari ini ialah permulaan kepada satu perjuangan besar yang akan menentukan arah tuju Negeri Sembilan bagi tempoh lima tahun akan datang. Rakyat Negeri ini mendamba sebuah Kerajaan

yang mampu membela nasib mereka. Rakyat Negeri ini mahukan sebuah Kerajaan yang mampu merancakkan ekonomi, menarik lebih banyak pelaburan, mewujudkan lebih banyak peluang kepada anak muda dan paling penting memastikan setiap keluarga di Negeri Sembilan menikmati masa depan yang lebih sempurna.

Johor Membawa Keyakinan, Negeri Sembilan Menuntut Perjuangan

5. Lima hari yang lalu, seluruh negara menyaksikan satu keputusan yang cukup bermakna apabila Bangsa Johor memberikan Barisan Nasional satu mandat yang amat cukup besar. **Kita memenangi 48 daripada 56 kerusi Dewan Undangan Negeri, memperoleh hampir 60 peratus undi popular dan mencatatkan kemenangan**

terbesar dalam sejarah Barisan Nasional di Johor.

6. Keputusan itu bukan sekadar kemenangan dalam sebuah pilihan raya negeri. Saya percaya ia merupakan manifestasi keyakinan rakyat terhadap sebuah kepimpinan yang mampu memberikan kestabilan politik, memacu pembangunan ekonomi, mentadbir dengan penuh tanggungjawab dan **InsyaAllah saya yakin kemenangan itu ialah mesej besar yang dihantar**

oleh Bangsa Johor kepada rakyat di seluruh negara.

7. Bangsa Johor memilih kestabilan mengatasi ketidaktentuan. Mereka memilih rekod pencapaian mengatasi retorik politik. Mereka memilih sebuah Kerajaan yang mempunyai prinsip bukannya mencari alasan dan menuding jari bila tidak mampu memimpin dengan baik.
8. Bangsa Johor turut membuktikan bahawa Barisan Nasional kekal menjadi **wadah politik yang**

benar-benar mencerminkan wajah Malaysia - sebuah gabungan pelbagai kaum yang dibina atas asas saling menghormati, menolak politik perkauman dan bergerak bersama demi kepentingan seluruh rakyat.

9. Namun kemenangan itu tidak sedikit pun menjadikan kita angkuh, apatah lagi bermegah. Ya, kemenangan di Johor memberikan kita keyakinan, tetapi dalam politik, **kemenangan semalam tidak pernah**

menjamin kemenangan esok.

Kemenangan hanya akan menjadi milik mereka yang bersatu, bekerja tanpa mengenal penat lelah dan sentiasa meletakkan kepentingan rakyat mengatasi segala-galanya.

10. Kini, tiba giliran Negeri Sembilan. Negeri ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri, adatnya yang tersendiri, demografinya yang tersendiri dan cabaran politiknya yang tersendiri. *Lain padang lain belalang, lain lubuk lain ikannya.*
Kemenangan di Johor bukan

tiket automatik untuk kita menang di Negeri Sembilan.

Sebaliknya, jadikan ia sebagai pembakar semangat untuk kita bekerja lebih kuat dan lebih tersusun.

11. **Kita mesti turun ke gelanggang seolah-olah bermula daripada kosong.** Setiap undi mesti diperjuangkan. Setiap rumah mesti diziarahi. Setiap pengundi mesti disantuni. Inilah yang akan menentukan kemenangan kita pada 1 Ogos nanti.

12. Sementalahan lagi, kejayaan di Johor bukan datang daripada seorang pemimpin atau seorang calon – ia datang daripada semangat kebersamaan seluruh keluarga besar Barisan Nasional. UMNO, MCA, MIC, PBRS, PPP dan Friends of BN bergerak sebagai satu pasukan, saling melengkapi, saling dipercayai dan saling menguatkan antara satu sama lain. *Seikat bak sirih, serumpun bak serai* yang akhirnya diterjemahkan kepada

sebuah kemenangan yang cukup luar biasa.

13. **Inilah formula kemenangan yang mesti kita bawa ke Negeri Sembilan.** Tinggalkan segala perbezaan, padamkan segala rasa kecil hati dan satukan seluruh kekuatan di bawah satu panji perjuangan. Apabila kita bersatu, rakyat akan kembali yakin. Apabila rakyat kembali yakin, insya-Allah kemenangan akan menjadi milik Barisan Nasional.

Pantun:

*Orang beradat tinggalkan pesan,
Hidup muafakat jadikan amalan,
Bulatkan hati, satukan barisan,
Ayuh kita tawan Negeri
Sembilan!*

*Walau tiada emas dan intan,
Ikhlas berjuang pasti dikenang,
Demi agama, bangsa dan watan,
Kita lawan.. LAWAN SAMPAI
MENANG!*

NEGERI SEMBILAN PERLUKAN LEMBARAN BAHARU

Hadirin sekalian,

14. Hari ini kita sedang berdiri di satu persimpangan yang amat penting dalam sejarah politik Negeri Sembilan. Pilihan Raya Negeri ini merupakan satu mandat besar buat rakyat Negeri Sembilan **menentukan semula arah tuju negeri yang kita kasihi.** Terlalu banyak cerita telah berlegar. Terlalu banyak keresahan telah timbul. Seinggakan akhirnya

negeri ini berada di titik yang menuntut satu keputusan besar daripada rakyat sendiri.

15. Kita memasuki gelanggang ini dengan pelbagai persepsi terhadap Barisan Nasional. Ada yang menyokong pendirian kita. Ada juga yang masih tertanya-tanya mengapa kita memilih jalan ini. Namun pendirian kita jelas. Kita datang dengan jiwa yang besar. Kita bukan datang untuk menambah krisis, tetapi untuk menamatkan krisis. **Kita bukan**

datang untuk mengeruhkan keadaan, tetapi untuk memulihkan keyakinan rakyat serta mengembalikan tertib pentadbiran negeri.

16. Apabila ramai bertanya apakah peranan Barisan Nasional sehingga berlakunya Pilihan Raya Negeri ini, jawapan kita cukup mudah. **Kita memilih untuk mengembalikan mandat kepada rakyat setelah kepimpinan mereka gagal mengurus keadaan dengan baik. Betul?**

17. Saya percaya, **rakyat Negeri Sembilan adalah hakim yang paling sah.** Rakyatlah penentu sama ada negeri ini mahu terus dibelenggu ketidaktentuan, atau kembali ke landasan pentadbiran yang lebih stabil, lebih tertib dan lebih berpengalaman.

18. Memang benar, kita yang memulakan langkah. Tetapi langkah kita bersebab. Langkah kita penuh tanggungjawab. Langkah kita penuh pendirian. Negeri Sembilan tidak boleh terus dibiarkan bergolak kerana

kelemahan kepemimpinan yang gagal menjaga tertib politik dan institusi negeri.

Orang tua-tua mewariskan kepada kita pegangan, "Hidup bersendi adat, adat bersendi syarak, syarak bersendi Kitabullah." Inilah pedoman kita rakyat yang menjunjung adat di Negeri Sembilan.

Politik boleh berbeza, tetapi adat tidak boleh dipinggirkan, institusi tidak boleh dipertikaikan, dan

muafakat mesti sentiasa diutamakan.

19. Barisan Nasional mempunyai prinsip yang jelas. Kita sentiasa menjunjung Perlembagaan Negeri dan Perlembagaan Persekutuan. **Kita juga berpegang teguh kepada Perkara 3.2 Perlembagaan UMNO yang memperuntukkan bahawa UMNO menjunjung serta mempertahankan Institusi Raja-Raja Melayu.**

20. Kita kekal konsisten. Kita menghormati institusi diraja dan menyerahkan kepada kebijaksanaan serta kebesaran institusi Yang di-Pertuan Besar menurut lunas Perlembagaan dan undang-undang Negeri.

21. Percayalah, **Negeri Sembilan bukan negeri biasa.** Ini Negeri Beradat. Adat Perpatih bukan sekadar warisan. Ia adalah jiwa negeri. Institusi Yang di-Pertuan Besar, Undang Yang Empat, adat dan perlembagaan negeri mesti dihormati dengan penuh hikmah.

22. Krisis ini berlaku bukan kerana adat lemah. Krisis ini berlaku kerana politik gagal mengurus adat dengan hikmah. Maka, Negeri Sembilan memerlukan sebuah Kerajaan yang lebih tertib, lebih berimbang dan lebih bijaksana – dan **InsyaAllah BN akan tampil sebagai pilihan terbaik untuk memimpin Negeri ini.**

23. *Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan.* Apabila kita sudah masuk ke medan ini, kita mesti masuk

dengan penuh keyakinan. BN mesti masuk untuk menang, untuk memulihkan kerapuhan yang dilakukan dan untuk menjadi pelindung utama kepada rakyat Negeri Sembilan.

BN MENAWARKAN KESTABILAN DAN KERJA

Hadirin sekalian,

24. Rakyat hari ini tidak mahu drama politik yang berpanjangan. **Rakyat mahu Kerajaan Negeri yang bekerja.** Rakyat mahu

pemimpin yang turun. Rakyat mahu masalah mereka diselesaikan.

25. Anak muda mahu peluang pekerjaan dan masa depan yang lebih baik. Ibu bapa mahu pendidikan terbaik untuk anak-anak. Peniaga kecil mahu ruang berniaga. Orang kampung mahu jalan, air, kemudahan dan pembelaan. Penjawat awam mahu Kerajaan yang jelas arahnya. Pelabur mahu

kestabilan untuk terus membawa pekerjaan kepada rakyat.

26. Sebab itu Barisan Nasional mesti menawarkan politik yang membawa solusi. Politik yang menyelesaikan, bukan menambah masalah. **Negeri Sembilan mempunyai potensi yang besar. Negeri ini mempunyai kedudukan yang strategik, kekuatan dalam sektor perindustrian, pelancongan, pertanian, pendidikan, logistik serta ekonomi desa. Setiap daerah pula mempunyai**

**kekuatan dan kelebihan
tersendiri yang boleh
dibangunkan demi
kesejahteraan rakyat.**

27. Pada tahun 2025, negeri ini mencatat pelaburan diluluskan sekitar RM19.1 bilion. Pada tahun 2024 pula, ekonomi Negeri Sembilan berkembang sekitar 4.6 peratus.

Tetapi percayalah semua ini tidak dapat dilakukan tanpa kestabilan yang dibawa oleh Barisan Nasional sebelum ini. Betul?

28. Itu baru sebahagian dan saya amat yakin, **sekiranya BN diberikan peluang mentadbir sepenuhnya, Negeri Sembilan boleh pergi lebih jauh dan menjadi antara negeri yang lebih berjaya.**

29. Tetapi kita kena berusaha. **Keupayaan kita menonjolkan kelebihan Barisan Nasional akan menjadi antara sebab utama rakyat kembali memilih kita.** Kerja ini mesti bermula sekarang. Jangan terlalu sibuk

memikirkan dapat jadi calon atau tidak sehingga terlupa tugas yang lebih besar, **iaitu memenangkan Barisan Nasional di tempat masing-masing.**

30. Siapa pun calon yang diputuskan sekejap lagi... siapa jua yang akan jadi calon Menteri Besar juga serahkan kepada saya. Tugas jentera tetap sama. **Rapatkan saf, kuatkan gerak kerja, susun penerangan dan yakinkan rakyat.** Kemenangan tidak bermula pada hari penamaan calon. Kemenangan

bermula apabila jentera mula bekerja dari sekarang.

31. InsyaAllah, **kalau dahulu kita menang 14 saya yakin dengan keupayaan kita mencipta *game changer* baharu, kita mampu menambah lagi 5 kerusi untuk mendapat majoriti mudah membentuk Kerajaan Negeri.** Sekali lagi saya ingatkan, kerja mesti bermula daripada sekarang.

PENUTUP

Para perjuang Barisan Nasional
sekalian,

32. Gelombang Biru telah membadaai di Johor, kini menanti masa untuk melimpah ke Negeri Sembilan. Gagasan *Rumah Bangsa* yang kita bawa semakin berakar dalam hati rakyat. Semangat Perpaduan Nasional yang kita perjuangkan pula semakin diterima dan diyakini oleh seluruh rakyat Malaysia.

33. Segalanya kini terserah kepada kita. Berdoalah, berusaha dan bertawakallah kepada Allah SWT. Mudah-mudahan Allah SWT membuka hati-hati rakyat Negeri Sembilan untuk memberikan kepercayaan kepada Barisan Nasional, mengurniakan kemenangan yang terbaik serta memberkati setiap langkah perjuangan kita. Insya-Allah.

34. Dengan lafaz
Bismillahirrahmanirrahim, saya
melancarkan jentera Barisan
Nasional!

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.